

CNS6433

U GB 14-01 00184 BA395

aab

(EMBARGO: Untuk Siaran Selepas 10.30 malam ini, 14 Jan)

Mahathir - EAEC

EAEC BUKAN BLOK PERDAGANGAN, MAHATHIR BERITAHU MIYAZAWA

I

KUALA LUMPUR, 14 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempertahankan cadangannya bagi penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) pada majlis jamuan meraikan rakan sejawatannya dari Jepun, Kiichi Miyazawa di Sri Perdana malam ini.

Dr Mahathir mengelak daripada menimbulkan perkara itu dalam rundingannya dengan Miyazawa awal hari ini tetapi menggunakan kesempatan pada majlis jamuan itu untuk memberi penjelasan mengenai ciri-ciri EAEC yang disifatkan oleh Miyazawa sebagai blok perdagangan dalam wawancara dengan akhbar Business Times terbitan hari ini.

Dr Mahathir memberitahu Miyazawa bahawa beliau memahami pendirian Jepun terhadap EAEC tetapi berkata: +Saya cuma mahu menjelaskan bahawa EAEC bukan blok perdagangan. EAEC hanya berupa forum serantau.+

Ketika memberi jawapan bertulis kepada soalan oleh akhbar itu, Miyazawa berkata Tokyo tidak akan menyokong bagi sebarang blok perdagangan di Asia Timur sambil menyarankan bahawa cara terbaik bagi menangani dasar perlindungan ialah melalui kejayaan pada Rundingan Perdagangan Pelbagai Hala Pusingan Uruguay. -- Lagi

▼14/01/20-03MST

U GB 14-01 00158 BA398

aab

Mahathir - EAEC 2 Kuala Lumpur

Ketika berucap, Dr Mahathir berkata terdapat kecenderungan untuk berfikir tentang kewujudan pertubuhan-pertubuhan serantau sebagai blok perdagangan walaupun Asean telah bertapak selama hampir 25 tahun tanpa menjadi blok perdagangan.

Setakat ini, Jepun keberatan untuk menyatakan komitmennya kepada EAEC yang diilhamkan oleh Dr Mahathir pada 1990 kerana tentangan keras dari Amerika Syarikat, rakan perdagangannya yang terbesar.

Dr Mahathir berkata negara-negara Asean -- Brunei, Indonesia, Thailand, Filipina, Singapura dan Malaysia -- secara individu dan bersama bersikap terbuka terhadap perdagangan dengan negara-negara di dunia.

+Pertubuhan-pertubuhan serantau tidak perlu menjadi blok perdagangan untuk mendapat manfaat daripada perkumpulan itu,+ kata beliau.

Dr Mahathir berkata, EAEC lebih merupakan forum negara-negara yang tindakannya secara berasingan tidak dapat mempengaruhi keputusan pada rundingan perdagangan peringkat antarabangsa.

Jika negara-negara ini mengambil pendirian bersama dan bercakap dengan satu suara, masyarakat antarabangsa akan mendapati sukar untuk mengetepikan pandangan bersama. -- Lagi

▼14/01/20-19MST

U GB 14-01 00125 BA400

aab

Mahathir - EAEC 3 Kuala Lumpur

Oleh kerana semua negara Asia Timur ialah negara perdagangan, yang bergantung kepada sistem perdagangan bebas, negara-negara berkenaan dapat mempertahankan perdagangan bebas dan menangani dasar perlindungan.

+Forum terdiri daripada negara-negara Asia Timur membolehkan negara-negara berkenaan duduk dan membincangkan masalah bersama dan merumuskan pendirian bersama. EAEC ialah forum seumpama itu,+ kata beliau.

Perdana Menteri berkata seperti Asean, negara-negara lain yang termasuk dalam EAEC berpeluang mempelajari antara satu sama lain pendekatan ke arah pembangunan ekonomi termasuk melalui pelaburan dan peluang-peluang memasuki pasaran satu sama lain.

+Lambat-laun, anggota-anggota EAEC akan menikmati kemakmuran tanpa perlu menutup pintu pasaran dengan negara lain di dunia. Sekarangpun, proses itu telah membuahkan hasil,+ katanya. -- Lagi

▼14/01/20-27MST

CNS6480

U GB 14-01 00149 BA401

aab

Mahathir - EAEC 4 Kuala Lumpur (EMBARGO)

Dr Mahathir menyambut baik amalan Perdana Menteri Jepun selama ini yang berunding dengan para pemimpin negara Asia Timur sebelum menghadiri mesyuarat Kumpulan Tujuh (G-7).

Tetapi, katanya, disebabkan pandangan yang disuarakan tanpa perbincangan di kalangan negara-negara Asia Timur sendiri, ada kemungkinan pandangan yang bercanggah akan dilahirkan dan perkara yang dibangkitkan juga mungkin berbeza.

Beliau mencadangkan agar negara-negara Asia Timur bermesyuarat bagi mengenal pasti masalah bersama dan merumuskan pendirian bersama untuk membolehkan Jepun menyuarakan secara lebih berkesan bagi pihak negara-negara berkenaan pada mesyuarat G-7.

+Oleh itu, barulah Perdana Menteri Jepun dapat mewakili negara-negara Asia Timur dengan suara yang lantang. Sekali lagi, ini menunjukkan keberkesanan EAEC,+ kata beliau.

Dr Mahathir juga memuji Jepun kerana keputusannya baru-baru ini menghantar tenteranya menyertai pasukan pendamai di Kemboja di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. -- Lagi

▼14/01/20-46MST

aab

Mahathir - EAEC 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Ketika berucap, Miyazawa langsung tidak menyebut mengenai EAEC tetapi sebaliknya menarik perhatian tentang kejayaan ekonomi Malaysia yang telah dicapai terutama di bawah kepimpinan Dr Mahathir yang disifatkannya sebagai dinamik dan berani.

+Ini merupakan lawatan pertama saya ke negara anda yang indah ini sejak 1976. Saya amat kagum dengan perubahan yang dialami oleh Kuala Lumpur,+ kata beliau.

Miyazawa berkata, Malaysia telah mencapai kemajuan ekonomi yang pesat dan pada masa yang sama mengekalkan kestabilan politik dan ini bukannya mudah untuk dicapai.

Beliau mengulangi sokongan Tokyo kepada program pembangunan Malaysia sambil berkata selepas satu dekad dasar +Pandang Ke Timur+ diperkenalkan, Jepun telah melatih lebih 3,000 rakyat Malaysia dalam pelbagai bidang kemahiran.

+Berdasarkan hubungan dua hala, kita dapat meningkatkan hubungan kita untuk menjadi rakan kongsi yang matang ke arah memperluaskan kerjasama ekonomi dan politik.

+Ini akan memanfaatkan keamanan dan kemakmuran rantau Asia Pasifik dan dunia pada abad akan datang,+ kata Miyazawa.

Beliau berlepas ke Bangkok esok sebelum ke Brunei untuk mengakhiri lawatannya ke empat negara Asean. Sebelum ini, beliau ke Indonesia. -- Bernama

▼14/01/20-49MST